

30/04/2002

PM berdialog penggunaan dinar emas

KUALA LUMPUR, Isnin - Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini menyampaikan ucapan utama dan berdialog mengenai dinar emas dengan pelbagai sektor pada majlis tertutup anjuran Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM) di sini.

Dr Mahathir, yang juga Menteri Kewangan, menyampaikan ucapan utama itu selama 90 minit mengenai cadangan Malaysia untuk menggunakan dinar emas dalam sistem perdagangan negara, serta meluangkan masa lebih setengah jam menjawab soalan yang dikemukakan peserta.

Majlis dialog bersama Perdana Menteri mengenai "Dinar Islam" itu turut dihadiri Timbalan Menteri Kewangan Datuk Dr Shafie Mohd Salleh, dan Gabenor Bank Negara Tan Sri Zeti Akhtar Aziz.

Yang lain termasuk Penasihat Ekonomi kepada Perdana Menteri mengenai Hal Ehwal Kewangan Tan Sri Nor Mohamed Yakcop dan Pengarah Eksekutif Majlis Tindakan Ekonomi Negara Datuk Mustapa Mohamed.

Lebih 150 peserta menghadiri majlis itu termasuk tokoh korporat, perbankan dan badan kewangan, pensyarah dan pelajar universiti tempatan serta wakil majlis agama Islam negeri.

Majlis itu diadakan sebagai pendahuluan kepada seminar antarabangsa mengenai "Dinar Islam - Ke Arah Kesatuan Ekonomi Masyarakat Islam" yang akan dianjurkan oleh IKIM selama dua hari mulai 25 Jun.

Seminar itu dijangka membicarakan isu dinar Islam serta daya maju dan cabarannya, teori berkaitan dengan sistem dinar, peranan kerajaan dan bank pusat dalam mengawal selia sistem itu, cara dan sumbangannya kepada kesatuan ekonomi masyarakat Islam.

Dr Mahathir pada tahun lalu mencadangkan dinar emas dijadikan mata wang alternatif bagi perdagangan antarabangsa terutama oleh negara Islam, dan Malaysia sudah mengadakan mekanisme bagi penggunaannya.

Cadangan itu dikemukakan bagi mencari sistem mata wang alternatif dalam keadaan ekonomi yang tidak menentu kerana sistem kewangan konvensional sangat terdedah kepada manipulasi dan spekulasi krisis mata wang antarabangsa.

Perdana Menteri pada majlis yang sama turut melancarkan empat buku terbitan terbaru IKIM.

Buku-buku itu bertajuk Ekonomi Islam dan Pelaksananya di Malaysia dan Corporate Governance from the Islamic Perspective dan kedua-dua buku ini ditaja oleh RHB Bank Bhd, Kriteria Negara Berasaskan Prinsip Islam dan Peranan Ibu Bapa dalam Pembentukan Sahsiah Anak. - Bernama

(END)